

Sedia khidmat gunting rambut RM5, atasi masalah disiplin

ALOR SETAR – Bagi mengatasi masalah pelajar berambut panjang, Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Bukit Payung, Pokok Sena di sini, melangkah setapak dengan menyediakan khidmat gunting rambut sejak Disember lalu.

PSS Barbershop dibuka bagi mengatasi masalah disiplin pelajar hasil inisiatif pusat sumber sekolah berkenaan.

Penyelaras PSS, Dr. Abdul Ghani Jalil berkata, program tersebut merupakan inovatif kolaboratif bersama Persatuan Ibu Bapa dan Guru-Guru (PIBG) ke arah membangunkan personaliti dan kemahiran pelajar.

“Pihak PIBG telah membelanjakan sebanyak RM4,500 untuk menyediakan kelengkapan dan peralatan menggunting rambut,” katanya di sini semalam.

Hasil inovatif berkenaan melayakkan PSS Barbershop meraih Anugerah Emas 2022 peringkat kebangsaan baru-baru ini.

Abdul Ghani memberitahu, peringkat permulaan, seramai 20 pelajar tingkatan dua hingga tingkatan lima terpilih menjalani kursus asas menggunting rambut di beberapa kedai di sekitar daerah



BEBERAPA pelajar menunjukkan kemahiran menggunting rambut di SMK Bukit Payung, Pokok Sena, Alor Setar semalam.

ini selama sehari.

Katanya, PSS Barbershop itu hanya dibuka kepada pelajar sekolah dan dikenakan bayaran sebanyak RM5.

“Hasil daripada bayaran itu, sebanyak RM3 diberikan kepada pelajar yang menggunting rambut dan bakinya, RM2 lagi dibahagi sama kepada tabung PSS dan PIBG.

“Program tersebut bertujuan untuk memberi kemahiran kepada pelajar dan bukannya mencari keuntungan,” ujarinya.

PSS Barbershop itu beroperasi selepas waktu sekolah dari pukul 2.30 petang hingga 5 petang pada setiap hari bersekolah.

Seorang pelajar, Mohd. Khair Mohd. Rodzi, 17, berkata, melalui program itu dia berpeluang mempelajari teknik menggunting rambut.

“Saya kini juga membuka kedai gunting rambut di rumah dan sambutannya sangat menggalakkan. Ini secara tidak langsung dapat mencari pendapatan sampingan,” katanya.